

Pejuang seni tak harus kecewa

U.M. 28 AUG 1993

(E)

KUALA LUMPUR 27 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad

berkata, pejuang-pejuang seni dan para seniman tempatan tidak harus kecewa jika tidak mendapat ganjaran yang setimpal terhadap usaha-usaha mereka dalam bidang seni.

Perdana Menteri menegaskan, mereka tidak harus mempunyai perasaan begitu kerana ahli-ahli seni di seluruh dunia jarang sekali mendapat pengiktirafan daripada masyarakat semasa hayat mereka masih ada.

Katanya, pengiktirafan dan pujian untuk hasil-hasil seni khususnya lukisan biasanya diperolehi selepas seseorang seniman itu tidak ada lagi di dunia.

Berucap merasmikan Pameran Lukisan 'Visions' di sini petang ini, Dr. Mahathir berkata, pengiktirafan selepas seseorang itu mati sebenarnya adalah tidak adil.

"Tetapi jangan kita kecewa dengan ketidakadilan ini. Ia adalah satu lumrah hidup, satu perkara biasa.

"Memadailah jika kita dapat menarik hati peminat: Yang lebih dihargai ialah kepuasan hati daripada hasil karya yang baik," katanya.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, para seniman di Malavsia boleh

berasa senang hati kerana hari ini masyarakat negara ini sudah mula menghargai hasil-hasil seni.

"Seniman tidak lagi dianggap sebagai anak wayang yang tidak mempunyai harapan kerana hasil karya mereka sudah mendapat sambutan bahkan sudah menjadi *celebrity* pada masa hidup mereka.

"Tetapi masih ramai daripada seniman yang belum terkenal dan tidak mendapat pendapatan tetap.

"Mereka tidak harus kecewa. Dalam apa juga profesion, tidak ada jalan mudah, sama ada untuk menguasai bidang itu atau mendapat pengiktirafan.

"Yang mudah kecewa ti-

dak mempunyai harapan. Hanya yang sanggup menghadapi segala cabaran sahaja yang akan berjaya. Oleh itu jangan berputus asa, bertekunlah," kata Dr. Mahathir.

Pameran lukisan yang dirasmikan oleh Perdana Menteri ini akan berlangsung selama dua minggu. Ia dianjurkan oleh Yayasan Seni Berdaftar yang dipengerusikan oleh Toh Puan Mahani Idris Daim. Perdana Menteri adalah penaung yayasan itu.

Tiga orang pelukis, dua pelukis tempatan dan seorang pelukis dari San Francisco, Amerika Syarikat bergabung menyertai pameran tersebut.

Pelukis dari San Francisco itu ialah Jian Zhao yang banyak menghasilkan lukisan mengenai kehidupan penduduk Tibet.

Pelukis-pelukis tempatan pula ialah Abdul Mutilib Zakaria dan Abdul Ghani Ahmad yang banyak melukis karya bersifat abstrak dan berdasarkan alam semulajadi Malaysia.

Mereka bertiga memamerkan 204 buah lukisan yang berharga antara RM2,000 hingga RM20,000 sebuah.